

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)24**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

24. Kerajaan Persekutuan kini dikuasai oleh sebuah pakatan politik yang longgar, tanpa rangka kerja dasar yang jelas.
- (a) Adakah ianya akan memberikan kesan kepada sistem pendidikan negara, khususnya kepada sekolah-sekolah di Pulau Pinang?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan terus memberi peruntukan tahunan kepada semua aliran sekolah di Negeri Pulau Pinang

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. (a) Kerajaan Negeri yakin bahawa pendirian Kerajaan Persekutuan adalah sama seperti Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu untuk memberikan sistem pendidikan yang terbaik kepada rakyat Malaysia. Dalam usaha untuk memberikan pendidikan yang terbaik dan selaras dengan persediaan menghadapi Revolusi Industri 4.0, perubahan pada sistem pendidikan adalah penting bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dengan negara-negara lain.

Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan sekolah-sekolah di Pulau Pinang berada pada tahap yang terbaik walaupun wujud kesan kepada sistem pendidikan negara berikutan perubahan Kerajaan Persekutuan.

- (b) Sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat, Maahad Tahfiz, Sekolah Cina, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Tamil berjumlah RM128.73 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberikan bantuan kewangan kepada Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan untuk melaksanakan penaiktarafan infrastruktur serta pengurusan sekolah. Kerajaan Negeri akan mengkaji kedudukan kewangan negeri sebelum mengambil keputusan untuk penyaluran peruntukan pada tahun-tahun akan datang. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan sekolah-sekolah di Pulau Pinang berada pada tahap yang terbaik serta pelajar-pelajar menerima sistem pendidikan yang berkualiti.